

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (50)

09 Mei 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 5/2021

ARAHAN TERKINI BERKAITAN DENGAN PERGERAKAN PELAJAR KELUAR MASUK BAGI PELAJAR SEDIA ADA DI KAMPUS UTM JOHOR BAHRU

Dimaklumkan bahawa pihak Universiti melalui Jawatankuasa Pergerakan Pelajar dalam Kampus telah mengesan beberapa kes penularan wabak Covid-19 di dalam kampus UTM Johor Bahru. Sehingga kini Universiti sedang giat melaksanakan siasatan termasuk mengesan kontak rapat yang terlibat dengan kes tersebut.

Sehubungan itu, bagi tujuan kawalan, semua urusan keluar masuk pelajar adalah **DITANGGUHKAN BERKUATKUASA 09 Mei 2021** sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Penangguhan ini juga terpakai kepada semua pelajar yang telah mendapat kebenaran untuk pulang ke kampung sempena Cuti Hari Raya Aidilfitri.

Semua pelajar hendaklah sentiasa mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.


Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Sekian.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar)
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar)
Universiti Teknologi Malaysia
b.p. Naib Canselor
✉ : shamsul@utm.my

